

## Lihat kemajuan secara menyeluruh

Setelah berehat sekitar sebulan, Parlimen dibuka semula hari ini sekali gus membuka tirai kepada separuh kedua penggal pemerintah. Sempena pembukaan itu, akhbar ini menganjurkan sesi Perbincangan Berita Harian (BH) yang disertai Speaker Parlimen, Cik Halimah Yacob, dan tiga lagi anggota panel. Perbincangan tentang isu nasional dan masyarakat itu mengupas usaha pemerintah sepanjang dua setengah tahun lalu, dan apa lagi yang perlu dilakukan bagi baki penggalnya itu. NAZRI HADI SAPARIN (mhadi@sph.com.sg) melaporkan.



PERBINCANGAN TERBUKA: Anggota panel (dari kiri, duduk di sofa) Cik Halimah, Cik Khartini, Encik Kahar dan Encik Shamir, rancang bertukar-tukar pendapat sepanjang perbincangan sekitar 90 minit itu. Wartawan BH, Nazri Hadi Saparin (tiga dari kiri) merupakan moderator perbincangan tersebut yang turut disaksikan Editor Berita akhbar ini iaitu (dari kiri membelakangkan kamera) Encik Suhaimi Mohsen dan Encik Rosebi Mohd Sah. - Foto JOHARI RAHMAT

16 May 2014

### **Panel rumuskan pemerintah dengar keinginan masyarakat dan buat perubahan positif**

MESKIPUN masih ada isu yang belum terhurai, umumnya kebajikan masyarakat Melayu/Islam Singapura telah terpelihara dengan baik.

Justeru, perkembangan masyarakat Melayu/Islam harus dilihat daripada perspektif menyeluruh dan tidak hanya tertumpu kepada satu atau dua isu yang akan mengambil masa untuk menemui penyelesaiannya.

Itulah pandangan para anggota panel Perbincangan Berita Harian (BH) yang diadakan baru-baru ini.

Topik perbincangan berkisar pada usaha pemerintah menangani isu nasional dan masyarakat sepanjang dua setengah tahun lalu, dan apa lagi yang perlu dilakukannya bagi baki penggalnya itu.

Mengetuai Perbincangan BH itu adalah Speaker Parlimen, Cik Halimah Yacob.

Anggota lain panel ialah Cik Khartini Khalid, seorang pensyarah politeknik dan aktivis masyarakat; Encik Kahar Hassan, Timbalan Pengarah (Prasarana) syarikat pengangkutan SMRT dan aktivis akar umbi; serta Presiden sayap belia Angkatan Karyawan Islam (AMP Muda), Encik Muhd Shamir Abdul Rahim. Perbincangan itu dianjurkan sempena langkah Parlimen berehat selama sebulan di pertengahan penggal lima tahun pemerintah.

Langkah itu diambil bagi membolehkan pemerintah menyemak kerja-kerja yang sudah dijalankan, sekali gus membolehkannya melakar strategi seterusnya.

Parlimen akan dibuka semula pada Jumaat ini dengan ucapan Presiden Tony Tan Keng Yam, yang dijangka menggariskan keutamaan, dasar dan program pemerintah bagi baki penggalnya itu.

Diminta mengulas mengenai sentimen masyarakat Melayu/Islam, Cik Halimah berkata secara keseluruhannya sudah banyak kemajuan dicapai dan hakikat itu disedari orang Melayu.

Memberi contoh, beliau berkata golongan profesional, pengurus, eksekutif dan teknisyen (PMET) Melayu sudah meningkat lebih seganda sejak sekitar 10 tahun lalu.

"Kita mesti lihat kalau dibandingkan 10, 20 tahun lalu, kita telah mencapai kemajuan baik. Contohnya, golongan PMET yang memegang jawatan profesional, pengurus, eksekutif dan teknisyen, kalau 10 tahun lalu mungkin kurang 10 peratus, hari ini lebih 25 peratus memegang jawatan itu," ujarnya.

Namun Cik Halimah dan para anggota panel akur masih ada isu yang menjadi keprihatinan dan sumber ketidakpuasan dalam masyarakat.

Antaranya, Cik Khartini berkata isu pemakaian tudung oleh para pegawai sektor kesihatan boleh menjadi sumber ketidakpuasan seperti isu Angkatan Bersenjata Singapura (SAF).

Sehubungan dengan itu, Cik Halimah meminta masyarakat Melayu/Islam bersabar.

"Isu ini bukanlah sesuatu yang 'dibekukan', malah ia terus dalam pertimbangan pemerintah," ujarnya.

Encik Shamir berkata, meskipun kemajuan dalam sesetengah isu belum lagi tercapai, namun kemajuan dalam isu lain sudah pun dapat dilihat.

Beliau merujuk kepada langkah pemerintah meluaskan akaun dan sumbangan Edusave kepada semua murid, termasuk murid madrasah, yang diumumkan Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, di Rapat Hari Kebangsaan tahun lalu.

Ini mencerminkan bahawa pemerintah mendengar keinginan masyarakat Melayu/Islam, katanya.

"Tapi, dalam bidang ini, saya rasa masih ada ruang untuk kita terus bangunkan madrasah. Yang memohon memasukkan anak mereka ke madrasah sekarang bukan hanya daripada golongan asatizah, malah semakin ramai ibu bapa pekerja kolar putih yang memilih laluan pendidikan madrasah.

"Mungkin pemerintah dapat membantu membangunkan madrasah menjadi seperti Anglo-Chinese School International atau St Joseph Institution International," ujarnya.

Sementara itu, di peringkat nasional pula, para panelis Perbincangan BH itu akur umumnya pemerintah telah mendengar keluhan rakyat dan membuat perubahan positif dalam dasar perumahan dan penjagaan kesihatan.

Ini termasuk langkah membangunkan jumlah flat Bina Ikut Tempahan (BTO) secara agresif - sekitar 77,000 flat BTO dibina antara 2011 dengan 2013 - di samping beberapa langkah meredakan pasaran hartanah.

Di sudut kesihatan dan warga emas pula, pemerintah baru-baru ini memperkenalkan pakej penjagaan kesihatan bernilai \$8 bilion bagi generasi perintis.

Para panelis juga memuji pemerintah atas bantuan yang dihulurkan kepada golongan kurang mampu menerusi usaha mengukuhkan jaringan keselamatan.

"Bantuan-bantuan sosial dan kesihatan yang disasarkan kepada golongan paling memerlukan ini banyak membantu menenangkan kebimbangan rakyat, dan saya pasti dialu-alukan semua warga setempat." ujar Encik Kahar.

Dalam pada itu, para anggota panel itu turut menekankan perlunya pemerintah menggandakan usaha dalam beberapa bidang, terutama dalam bidang pengangkutan dan kemasukan warga asing, yang masih dilihat sebilangan rakyat sebagai bersaing bagi pekerjaan mereka.

Meski akur dengan perkara tersebut dan menekankan kawalan kemasukan warga asing perlu diperketat, Encik Kahar menjelaskan bahawa hakikatnya Singapura memerlukan bakat asing.

Oleh itu, beliau menggesa pemerintah agar mencari keseimbangan.

"Di SMRT, kami perlukan bakat asing. Dengan cabaran yang kami hadapi, bukan semuanya boleh diatasi bakat kita di Singapura kerana cabaran-cabarannya adalah rumit.

"Contohya, kereta api sekarang tiba di stesen setiap tiga atau empat minit. Tapi memandang ke depan, kita perlu enam kereta api dalam 10 minit. Ini memerlukan teknologi baru yang belum pernah kita alami. Dan kita perlukan bakat asing untuk datang dan membantu kita," ujar beliau.

Bersetuju, Encik Shamir, yang merupakan seorang peniaga, berkata sebagai usahawan, beliau merasakan keperitannya.

Menurutnya, syarikatnya mahu menggajikan bakat setempat, namun dengan saingan daripada syarikat berbilang negara (MNC), sukar mendapatkan bakat setempat.

Menyentuh tentang isu kemasukan bakat asing, Cik Khartini berkata:

"Melebihi saingan untuk pekerjaan, satu lagi perkara saya rasa perlu ditangani ialah sentimen terhadap warga asing, pekerja asing, golongan PR (penduduk tetap) dan rakyat baru Singapura.

"Walau ada beberapa perkara yang telah diusahakan pemerintah atau sedang diusahakan dan kita boleh nampak hasilnya, ada beberapa lagi isu yang masih hangat dan belum lagi ditangani sepenuhnya," tegas beliau.

Perbincangan BH selama sekitar 90 minit itu telah diadakan di studio multimedia SPH dan dirakamkan.

Video tersebut, yang menyampaikan isu-isu penting yang telah diketengahkan, kini tersedia untuk tontonan pembaca di laman BeritaHarian.sg.

# Alu-alukan langkah atasi masalah perumahan



"Kejiranan-kejiranan yang mereka boleh sewa juga termasuk kejiranan matang seperti Buona Vista dan Bedok. Jadi, bagi saya ini satu langkah yang amat positif... saya harap pemerintah sedar ini hanyalah huraian simptomatik dan isu pokoknya seperti isu imigrasi perlu ditangani." - Encik Muhd Shamir Abdul Rahim, Presiden AMP Muda dan usahawan.

16 May 2014

PERUMAHAN membentuk aspek penting dalam impian warga Singapura.

Justeru, Presiden sayap belia Angkatan Karyawan Islam (AMP Muda), Encik Muhd Shamir Abdul Rahim, berkata rakyat umumnya mengalu-alukan langkah positif pemerintah bagi mengatasi masalah perumahan sebelum ini.

Beliau menarik perhatian kepada skim perumahan sementara yang ditawarkan kepada pasangan yang baru berumah tangga dan sedang menunggu flat mereka siap dibina.

Di bawah Skim Perumahan Sementara bagi Ibu Bapa (PPHS) itu, pasangan yang telah berumah tangga berpeluang menyewa flat sementara menunggu flat mereka siap.

"Kejiranan-kejiranan yang mereka boleh sewa juga termasuk kejiranan matang seperti Buona Vista dan Bedok. Jadi, bagi saya ini satu langkah yang amat positif.

"Pada masa yang sama, saya harap pemerintah sedar ini hanyalah huraian simptomatik dan isu pokoknya seperti isu imigrasi perlu ditangani," tegas beliau.

Encik Shamir juga menarik perhatian kepada isu identiti masyarakat Melayu.

Beliau akur dengan pandangan seorang lagi anggota panel bahawa golongan karyawan yang berjaya tidak melihat bangsa mereka sebagai satu faktor.

Menurutnya, ini adalah sesuatu yang sihat dan mencerminkan penyepaduan masyarakat Melayu dalam masyarakat aliran utama Singapura.

Namun, pada masa sama, beliau bimbang sebilangan karyawan itu langsung 'lupa' akan identiti mereka sebagai orang Melayu dan langsung tidak mempedulikan isu-isu masyarakat.

"Mungkin ia belum berlaku secara meluas, tetapi kita sudah melihat trendnya sekarang," ujarnya.

Beliau juga menyentuh mengenai konsep CIMO - Chinese, Indian, Malay and Others atau Cina, India, Melayu dan Lain- Lain - dan menyoal kesesuaian konsep itu dalam masyarakat Singapura hari ini.

# Perubahan dasar demi penuhi keperluan sekitaran



"Tidak ada dasar yang tegar dan tidak boleh diubah kerana ini bermakna pemerintah tidak mengambil kira keperluan sosial rakyat. Justeru, apa yang mendorong perubahan dasar sebenarnya ialah sekitaran kita." - Cik Halimah Yacob, Speaker Parlimen.

16 May 2014

FAKTOR yang mendorong pemerintah membuat perubahan dasar bukanlah semata-mata disebabkan oleh apa yang berlaku dalam pilihan raya umum 2011, yang dikatakan satu titik peralihan.

Sebaliknya, dasar itu merupakan rancangan jangka panjang yang diperkenalkan pemerintah demi memenuhi keperluan sekitaran Singapura yang berubah.

Speaker Parlimen, Cik Halimah Yacob, menjelaskan beberapa skim penting telah pun diperkenalkan sebelum 2011.

Ini termasuk skim Daya Kerja (Workfare), yang membantu pekerja bergaji rendah, yang diperkenalkan pada 2007.

Satu lagi skim ialah ComCare, yang diperkenalkan pada 2004 bagi menyediakan bantuan sosial kepada individu dan keluarga bergaji rendah.

Malah, pakej Generasi Perintis juga merupakan sesuatu yang telah difikirkan pemerintah sebelum 2011.

Cik Halimah memberikan pandangannya sebagai menjawab pertanyaan anggota panel, presiden sayap belia Angkatan Karyawan Islam (AMP Muda), Encik Muhd Shamir Abdul Rahim, sama ada perubahan dasar itu akan dilakukan pemerintah jika keputusan pilihan raya 2011 lebih menyebelainya.

"Tidak ada dasar yang tegar dan tidak boleh diubah kerana ini bermakna pemerintah tidak mengambil kira keperluan sosial rakyat. Justeru, apa yang mendorong perubahan dasar sebenarnya ialah sekitaran kita.

"Kita lihat penduduk kita semakin tua, proses penuaan memang ketara, dan implikasinya dari segi penjagaan kesihatan. Jadi pemerintah akur dan membentuk jawatankuasa antara kementerian agar memberi tumpuan kepadanya dan ini dilakukan sebelum 2011.

"Mereka telah mengkaji hal ini dan mereka keluar dengan Pakej Generasi Perintis selain melakukan perubahan kepada dasar kesihatan, penjagaan orang tua dan sebagainya," jelas beliau.